

SIMBOLIK... Syed Tajudeen bersama lukisannya yang terbesar dengan mengambil masa setahun setengah untuk menyiapkannya.—Gambar NORDINABDULLAH

Oleh Karimah Awi

SETIAP makhluk di dunia ini memerlukan kasih sayang yang sejati lagi kudus. Dalam masyarakat moden kini, ungkapan itu lebih menarik disebut cinta. Satu ungkapan yang sukar untuk diinterpretasikan kerana terlalu unik dan subjektif.

Justeru, ianya lebih sesuai ditafsirkan dalam bentuk lakonan, sajak, puisi dan lukisan. Sememangnya setiap makhluk berhak memiliki cinta sama ada dalam bentuk ketuhanan mahupun manusiawi. Demikianlah digambarkan oleh Syed Tajudeen yang memilih lukisan berkisah percintaan pada musim ini untuk tatapan pencinta lukisannya.

Sehubungan itu 'Lukisan Cinta' adalah tema yang paling tepat dipilih untuk lukisan beliau. Pameran ini boleh dilihat di Galeri Pelita Hati di Persiaran Titivangsa yang berlangsung pada 4 hingga 20 Mac lalu.

Anak kelahiran Alagan Kulam iaitu sebuah perkampungan kecil di Tamil Nadu, India amat prihatin mengenai cinta yang dialami setiap makhluk di alam maya ini. Sememangnya dia sendiri mempunyai kisah yang menarik sehingga timbulnya ilham untuk melakarkan sesuatu di atas kanvas.

Setelah 11 tahun menetap di India, Syed Tajudeen bersama keluarga berhijrah ke Pulau Pinang. Di Pulau Mutiara itulah bakat yang dimilikinya mula menyerlah. Dalam sekelip mata saja namanya mula dikenali ramai setelah pertama kali menyertai pameran seni lukis secara solo pada 1965 dalam Pameran Terbuka Muzium Seni Pulau Pinang.

Namun disebabkan minat yang mendalam terhadap kesenian, dia kembali ke India untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang seni halus pada 1967 di Kolej Seni, Madras.

Di sana dia berjaya memperolehi Diploma Seni Halus. Baginya, berbekalkan diploma saja masih tidak mencukupi untuk menguasai kajian kesenian. Justeru, dia meneruskan pengajian dalam Diploma Lanjutan Seni Halus di kolej yang sama pada 1974.

Pada tahun yang sama sekembalinya dari India, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi itu dikongsi bersama dengan penuntut di Institut Teknologi Mara (ITM) iaitu sebagai pensyarah sambilan dalam bidang Seni Lukis dan Seni Reka.

Berdasarkan pengalaman yang begitu luas dan menarik khususnya di India yang begitu terkenal dengan kisah percintaan Shah Jehan dan pengalamannya sendiri telah mendorong dia mengungkapkan maksud percintaan itu dalam bentuk lukisan.

"Maksud cinta memang sukar untuk ditafsirkan kerana ianya terlalu unik," katanya.

Jika sebelum ini dia banyak melukis kisah percintaan yang terlalu umum iaitu berkenaan alam semula jadi, kini syed Tajudeen memfokuskan kepada percintaan antara lelaki dan perempuan.

"Pada kali ini, lelaki dan perempuan dipilih sebagai objek utama kerana ianya lebih diminati dan mudah difahami peminat lukisan.

"Ia cuba memaparkan kenikmatan dan keindahan ketika bercinta," katanya.



SYEDTAJUDEEN  
... cinta terlalu unik untuk ditafsirkan.

Baginya, percintaan yang dialami oleh manusia adalah paling menarik dan bermakna kerana ianya memaparkan tanggungjawab dan persefahaman yang ada pada setiap pasangan itu di samping me-

sejnya mudah difahami oleh manusia sendiri kerana secara tidak langsung ia juga dialami oleh peminat lukisan.

Dia yakin lukisan bertema percintaan lebih mendapat sambutan kerana setiap individu memerlukan cinta.

Jika diteliti lukisannya, objek yang digunakan adalah pasangan dari bangsa Monghul dan fesyen pakaiannya adalah dari Malaysia.

Kedua objek yang sangat jauh perbezaannya itu adalah hasil gabungan pengalamannya ketika berada di India dan Malaysia.

Memang tidak dinafikan kaum India terkenal dengan kesetiaan cinta sehingga mereka sanggup menggubahnya dalam bentuk lukisan dan itulah yang cuba ditonjolkan dengan harapan setiap cinta yang dimiliki oleh insan dapat dijadikan memori indah untuk dikenang dan menghargainya.

Kehebatan dan ketelitian Syed Tajudeen dalam bidang lukisan telah membawanya ke serata dunia iaitu dengan penyertaannya dalam pameran yang diadakan di India, United Kingdom, Bangladesh, Taiwan, Jepun, Jerman dan Belgium.

Bukan setakat itu saja, pada 1988 lukisannya yang dikagumi ramai terpilih untuk dipamerkan dalam Pameran Lukisan Kontemporari Malaysia di Los Angeles, Amerika Syarikat.


Jelasnya, setiap warna yang dipilih bersesuaian dengan mesej yang ingin disampaikan seperti merah, kuning, hijau biru yang berkerlipan yang menunjukkan cinta adalah satu perkara yang indah untuk diungkapkan.

# Ilham

# CINTA SYED



INDAH... lukisannya yang bertajuk For Being Together memaparkan kehidupan yang diidamkan oleh setiap insan selepas bercinta.



UNIK...demikian bentuk perasaan cinta yang cuba dipaparkan oleh Syed Tajudeen (kiri) sambil diperhatikan oleh seorang peminat lukisannya